

Buletin

Lebuh Raya

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

EDISI 2 • JULAI - DISEMBER 2021



KELUARGA INDUSTRI LEBUH RAYA



Assalamualaikum w.b.t
dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah SWT atas rahmat dan nikmat Nya kerana berpeluang untuk menerbitkan Buletin Lebuhraya bagi edisi ke 2 Tahun 2021. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat di atas usaha dan komitmen yang telah diberikan untuk penerbitan buletin kali ini.

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah berjaya membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) LLM 2022 – 2026, Pelan Strategik Bisnes (BSP) LLM 2021-2025 dan Arahan Pengurusan Sistem Tol (APST). Pelancarannya telah dilaksanakan pada 2 Disember 2021 di Majlis Anugerah Industri Lebuhraya. Pembangunan dokumen-dokumen ini adalah untuk memberi perkhidmatan terbaik dan memantapkan industri lebuhraya di negara ini. Selain itu, edisi buletin ini memuatkan pelbagai kejayaan dikecapi oleh LLM serta aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh 6 bulan terakhir tahun 2021.

Edisi kali ini juga memaparkan semangat kemasyarakatan yang tinggi antara warga LLM dan rakyat Malaysia apabila negara terkesan dengan bencana banjir besar yang melanda pada penghujung disember 2021. LLM bersama syarikat konsesi lebuhraya telah menyertai program misi sukarelawan banjir bagi membantu membersihkan kawasan dan rumah mangsa banjir di Hulu Langat, Selangor.

Akhir kalam, pengisian dan informasi dalam buletin ini dapat dijadikan pencetus inspirasi kepada seluruh warga LLM ke arah menjadikan LLM sebagai sebuah organisasi yang sentiasa menjadi rujukan dalam segala aspek kecemerlangan. Selamat membaca dan bertemu lagi di edisi yang akan datang.

ISI KANDUNGAN

- 02 **Dari Meja Pengarang**
Isi Kandungan

- 03 **Program LLM Prihatin,**
Warga Sejahtera

- 04 **Majlis Ekspresi Kecemerlangan**
Lembaga Lebuhraya Malaysia 2020

- 05 **Kunjungan Hormat**
Timbalan Menteri Kerja Raya dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

- 06 **Perhimpunan Bulanan LLM**

- 07 **Majlis Perasmian Dewan**
dan Majlis Sanjungan Jasa

- 08 **Majlis Persaraan**
Ketua Setiausaha KKR Bersama Warga Kementerian dan Agensi

- 09 **Anugerah Industri Lebuhraya**
(AIL) 2021

- 11 **Bengkel Penilaian Pencapaian**
Pelan Strategik Bisnes (BSP)

- 12 **Program 100 Hari Aspirasi Keluarga**
Malaysia

- Sesi Penyediaan Petunjuk Prestasi**
Utama (KPI) dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2022

- 13 **Info Grafik**
 - Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) LLM 2022-2026
 - Arahan Pengurusan Sistem Tol
 - Pelan Strategik Bisnes (PSB) 2021-2025

- 15 **Misi Pasca Banjir**

- 16 **Sumbangan Bencana Banjir**

- 17 **Sudut Lensa**
 - Majlis Ramah Mesra AJK Pernita bersama Penasihat Pernita
 - Aktiviti EKSA
 - Latihan Pengungsian Bangunan

- 19 **Permata Hati**

- 20 **Ikatan Janji**



PROGRAM LLM PRIHATIN, WARGA SEJAHTERA

Kajang, 7 Julai – Program Virtual "LLM Prihatin, Warga Sejahtera" telah diadakan secara telesidang menerusi aplikasi Microsoft TEAMS. Ahli Lembaga dan Pengurusan LLM telah bersetuju untuk memberikan sumbangan kewangan kepada warga LLM dari Kumpulan Pelaksana.

Program ini bertujuan untuk membantu warga LLM meringankan beban kewangan berikutan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP 3.0. Sumbangan ini melibatkan 218 pegawai dan jumlah keseluruhan sumbangan sebanyak RM41,000.00.



Majlis Ekspresi Kecemerlangan

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA 2020

Kajang, 6 Ogos - Majlis Ekspresi Kecemerlangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) 2020 telah diadakan secara maya melalui siaran langsung di media sosial Facebook rasmi LLM. Majlis ini melibatkan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada 27 orang penerima, Anugerah

Berprestasi Baik (ABB) seramai 16 orang penerima dan seorang penerima Anugerah Pekerja Contoh (APCh). Pengajuran majlis ini merupoakan satu inisiatif bagi menghargai komitmen dan kesungguhan setiap warga kerja LLM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020

- | | | |
|--|--|---|
| 1. IDRUS BIN MAT TAIS
PEGAWAI TADBIR N54 | 5. IR. TS. MUHD YUSRIZAN BIN MOHD YUSOF
JURUTERA AWAM J48 | 9. SITI AMIRA BINTI NOH
PEGAWAI TADBIR N41 |
| 2. SR. ABDUL RAHIM BIN MD ZAHID
JURUUKUR BAHAN J54 | 6. MOHAMAD SHAHRUDDIN BIN KANDAR
JURUTERA MEKANIKAL J48 | 10. ASYRAF BIN ROHAN
PENOLONG JURUTERA AWAM JA38 |
| 3. SR. ROZIDAH BINTI MOHD KAMARUDDIN
JURUUKUR BAHAN J52 | 7. YAZLIN SALFIZA BINTI MOHD YAZID
JURUTERA AWAM J48 | 11. NAZATUL SURIANI BINTI NASARUDDIN
PENOLONG AKAUNTAN W32 |
| 4. JUNAIDAH BINTI JAMNI
PEGAWAI TADBIR N52 | 8. MOHD FIRDAUS BIN ISMAIL
JURUTERA AWAM J41 | 12. ZULKEFLI BIN YUNUS
PENOLONG JURUTERA AWAM JA29 |

ANUGERAH BERPRESTASI BAIK TAHUN 2020

- | | | | |
|---|---|--|---|
| 1. IR. SAZALI BIN HARUN
JURUTERA AWAM J54 | 5. MOHD IQRAM AZRAZ BIN RAZHI
JURUTERA AWAM J48 | 9. NOOR NAZATUL SHEEMA
BINTI YUSUF
PEGAWAI TADBIR N48 | 13. MOHD KHAIRUL AZMAN BIN HAMBALI
JURUTERA AWAM J44 |
| 2. ZAHROTUL'ULA BINTI
MOHAMAD IBRAHIM
JURUTERA AWAM J54 | 6. AHMAD SOFI BIN SAHAT
JURUTERA AWAM J44 | 10. NOOR ADLIN ZURINA BINTI
ZULKUFLY
JURUTERA AWAM J41 | 14. NORHUDA BINTI JAMIL
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19 |
| 3. TS. DR. ROHAYA BINTI
ABDULLAH
JURUTERA AWAM J48 | 7. NIK NURUL AZIAN BINTI
IBRAHIM
PEGAWAI TADBIR N44 | 11. ABDUL MUIZ AIZAT BIN ABDUL
HALIM
JURUTERA AWAM J41 | 15. ZAIMAH BINTI KASAN
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19 |
| 4. NOOR NAZATUL SHEEMA
BINTI YUSUF
PEGAWAI TADBIR N48 | 8. MOHD KHAIRUL AZMAN BIN HAMBALI
JURUTERA AWAM J44 | 12. NAZRUL ANUAR BIN MAT
HASSAN
PENOLONG JURUTERA AWAM
JA36 | 16. ROSTAM BIN SALLEH
PEMANDU KENDERAAN H11 |

13. NUR HAZIRA BINTI RAZALI
PENOLONG JURUTERA AWAM JA29

14. AZARUDDIN BIN MAT SAAD
PENOLONG JURUTERA AWAM JA29

15. MASITAH BINTI SULAIMAN
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22

16. NOR AZAH BINTI PILUS
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22

17. NOOR RUSIDAH BINTI ABU SAMAH
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22

18. NORLIDA BINTI BUANG @ BUNG
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22

19. HASIDAH BINTI TAIIB
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22

20. NOR ASIKIN BINTI MAN
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19

21. RUSHILLA BINTI ZAHARIN
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19

22. NUR SHAZWANI HANIM BINTI
BAHARUDDIN
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19

23. MOHD MARZUKI BIN ABDUL RAHMAN
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19

24. ROZIANA BINTI ABDULLAH
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19

25. SAIBUTUL AHMADIAH BINTI YAAKUB
@ HASHIM
PEMBANTU OPERASI N14

26. EXRAMULKHABAIB BIN ILYAS @ ALIAS
PEMANDU KENDEREAAN H14

27. MOHD. RIDZUAN BIN ABDULLAH
PEMANDU KENDEREAAN H11



ANUGERAH PEKERJA CONTOH TAHUN 2020

MOHD KHAIRUL AZMAN BIN HAMBALI
JURUTERA AWAM J44

Kunjungan Hormat Timbalan Menteri Kerja Raya

dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

samakan font, jadikan semua tajuk berwarna hijau & bold




KAJANG, 7 September – Kunjungan hormat Yang Berhormat, Timbalan Menteri Kerja Raya ke Wisma Lebuhraya, bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan) bagi melihat hala tuju Lembaga Lebuhraya Malaysia selain melawat ke Pusat Pengurusan Trafik (TMC) Lembaga Lebuhraya Malaysia yang berwajah baharu. Ketibaan YB Timbalan Menteri dan YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha telah disambut oleh YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan, Ketua Pengarah dan Pengurusan LLM.





Perhimpunan Bulanan LLM

tajuk semua warna kuning, samakan font
(kuning & bold)



KAJANG, 6 Oktober – Majlis Perhimpunan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi bulan Oktober 2021 telah diadakan secara maya. Majlis ini telah dimulakan dengan perutusan daripada YBhg. Dato' Ir Mohd Shuhaimi bin Hassan, Ketua Pengarah LLM. Beliau telah memaklumkan bahawa LLM telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Bisnes (BSP) LLM 2021-2025 dan beliau juga menyeru warga LLM yang masih belum mengambil vaksin, agar segera mendapatkan vaksin untuk melindungi diri, keluarga dan masyarakat. Majlis ini juga turut meraikan hari lahir warga LLM dan memperkenalkan pegawai dan kakitangan lantikan baru.



Majlis Perasmian Dewan dan Majlis Sanjungan Jasa Lembaga Lebuhraya Malaysia

font tajuk tukar kepada warna lain, warna yg terang

KAJANG, 6 Oktober – Majlis Perasmian Dewan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Majlis Sanjungan Jasa telah disempurnakan oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya. Majlis yang berprestij ini bertujuan bagi merasmikan nama baharu dewan LLM iaitu Dewan Tan Sri M. Yusuff, bersempena nama mantan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia yang pertama. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran isteri kepada Allahyarham Tan Sri. M. Yusuff iaitu Puan Sri Brigitte Yusuff. Majlis ini turut meraikan 17 orang pesara LLM yang bersara pada tahun 2020 dan 2021.



Majlis Persaraan

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja
Raya Bersama Warga
Kementerian Dan Agensi

KUALA LUMPUR, 24 November – Majlis “Lambaian Kasih, Sanjungan Jasa” telah diadakan bertempat di Hotel Seri Pacific bagi meraikan persaraan YBhg. Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ihsan, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya yang bersara pada 6 Disember 2021. Majlis ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada beliau yang telah menabur jasa dan menyemai budi selama perkhidmatan di Kementerian Kerja Raya Malaysia. Majlis ini juga turut disertai oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya dan YB Timbalan Menteri Kerja Raya untuk mengucapkan sekalung terima kasih atas perkhidmatan beliau.

Kementerian Kerja Raya Bersama Warga Kementerian Dan Agensi (warna hitam&bold) sama seperti perkataan "ketua setiausaha"



Anugerah Industri Lebuh Raya (AIL) 2021

PUTRAJAYA, 2 Disember – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Industri Lebuh Raya 2021 yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya Malaysia bertempat di Hotel Marriot Putrajaya. Majlis anugerah ini adalah anjuran bersama Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM). Tujuan anugerah ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada syarikat konsesi, agensi dan individu yang terlibat secara langsung dalam pembangunan dan pengurusan lebuh raya disamping melancarkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) LLM 2022 – 2026, Pelan Strategik Bisnes (BSP) LLM 2021-2025 dan Arahan Pengurusan Sistem Tol (APST) LLM. Majlis ini dapat mewujudkan jaringan kerjasama, berkongsi pengalaman serta idea baharu dalam melestarikan pembangunan industri lebuh raya bertol negara.





Bengkel Penilaian Pencapaian PELAN STRATEGIK BISNES (BSP)



KUANTAN, 6 Disember – Bengkel Sesi Penilaian Pencapaian Pelan Strategik Bisnes (BSP), LLM 2021-2025 ini telah diadakan bermula 6 - 8 Disember 2021 di Swiss-Belhotel, Kuantan. Bengkel ini dihadiri oleh Pengurusan dan Pegawai - Pegawai Kanan LLM yang melibatkan seramai 52 orang peserta termasuk urus setia. Antara objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memantau status semasa dan tindakan yang telah diambil berdasarkan perancangan pelan tindakan bagi memastikan pelaksanaan setiap idea adalah sepertimana *milestone* yang telah ditetapkan dan sesuai dengan amanat Pengurusan LLM.



PROGRAM 100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA



KUALA LUMPUR, 9 Disember – Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob pada 9 Disember 2021 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Pameran yang berlangsung selama empat hari ini bermula 9 hingga 12 Disember 2021 dan terbuka kepada orang ramai dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) turut mengambil bahagian dalam pameran bersama-sama agensi dibawah KKR. Pelbagai aktiviti pameran termasuklah kuiz telah diadakan dalam pameran kali ini.



SESI PENYEDIAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) TAHUN 2022




IPOH, 13 Disember – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengadakan satu sesi Penyediaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2022. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dan meningkatkan mutu perkhidmatan tahun 2022. Bengkel ini telah diadakan selama 4 hari iaitu bermula pada 13 Disember hingga 16 Disember 2021 bertempat di M Roof Hotel & Residences, Ipoh. Peserta bengkel terdiri daripada Pengurusan, Pengarah Bahagian dan pegawai-pegawai kanan LLM.

Info Grafik

01

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) LLM 2022-2026



02

ARAHAN PENGURUSAN SISTEM TOL

Arahan Pengurusan Sistem Tol (APST) ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu arahan kerja yang standard, seragam dan teratur untuk semua lebuhraya bertol di Malaysia. Penerbitan arahan ini, akan memudah, memperkemas serta memperkasa peranan Lembaga Lebuhraya Malaysia sebagai badan kawal selia dan memupuk semangat seliaan kendiri (*self regulate*) di kalangan syarikat konsesi lebuhraya.

Pelan Strategik Bisnes (BSP) 2021 – 2025



- ❑ Menjadi sebuah organisasi yang unggul, memacu dan menerusi industri lebuhraya bertol di Malaysia serta disegani di peringkat antarabangsa.
- ❑ Menjadi pusat pakar daripada peringkat perancangan, rekabentuk, pembinaan, operasi & tol dan penyenggaraan lebuhraya.
- ❑ Memperkasakan peranan LLM dalam pengawalseliaan lebuhraya.
- ❑ Mengoperasikan lebuhraya yang telah tamat tempoh konsesi.
- ❑ Melestarikan sumber kewangan.



- ❑ Memantapkan peranan LLM di dalam penilaian model penstrukturkan lebuhraya
- ❑ Pembangunan Highway Master Plan
- ❑ Penambahbaikan Perjanjian Konsesi (CA) dan Teknikal Appendix (TA)
- ❑ Pelaksanaan Multi Lane Free Flow
- ❑ Pemerkasaan IR4.0 dan Pendigitalan
- ❑ Pembentukan mekanisma kawalan
- ❑ Meningkatkan Kompetensi & Kecemerlangan Industri lebuhraya
- ❑ Pengoperasian dan memanfaatkan sumber lebuhraya
- ❑ Pemantapan kaedah pengurusan lebuhraya





Misi Pasca Banjir

\"banjir\" samakan dengan font dan warna \"misi pasca\"

HULU LANGAT, 30 Disember – Bencana banjir besar yang melanda ketika negara masih berdepan dengan ancaman Covid-19 memberikan seribu keinsafan dan semangat untuk membantu mereka yang ditimpah musibah. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi lebuhraya turun padang bagi membantu membersihkan kawasan dan rumah mangsa banjir di Hulu Langat. Sukarelawan yang terlibat telah berjaya membersihkan kawasan dewan serbaguna bagi tujuan pengumpulan barang-barang bantuan kepada mangsa banjir serta membersihkan saliran-saliran air di kawasan-kawasan perumahan penduduk yang dinaiki lumpur.



Sumbangan Bencana Banjir



Majlis Ramah Mesra AJK Pernita bersama Penasihat Pernita




Aktiviti EKSA

LATIHAN Pengungsian Bangunan



Permata Hati



NAMA PASANGAN:

NORHIDAYAH BINTI ABDUL MANAF & MUHAMMAD SOFRIE NAFEZ BIN RAHIMI

NAMA ANAK: SHIRAZ RAFAEL BIN MUHAMMAD SOFRIE NAFEZ

TARIKH LAHIR: 16 SEPTEMBER 2021



NAMA PASANGAN:
MOHD IZENY BIN UYUB &
NOR ASYIKIN BINTI MOHAMED
NAMA ANAK: NUR ADELIA
BINTI MOHD IZENY
TARIKH LAHIR: 7 OKTOBER 2021



NAMA PASANGAN:

NOOR SYAFIQAH SYAHIRAH BINTI
MOHD TAMEDZE & MOHAMAD
AFNAN BIN ZAINAL ABIDIN

NAMA ANAK: MUHAMMAD EAN
EUSOFF BIN MOHAMAD AFNAN

TARIKH LAHIR: 12 DISEMBER 2021





25 Jun 2021

Nur Adari Binti Adnan &
Mohd Asral Farham Bin Noor



8 Julai 2021

Mohammad Firdaus Bin Zul'aimi &
Farahain Binti Mohd Sabri



10 Julai 2021

Ahmad Anuar Bin Ismail &
Siti Aisyah Binti Hashim



28 Julai 2021

Ahmad Sharul Naimi Bin Ahmad Shari &
Yusfadzillah Binti Jamaluddin

Ikatatan
Janji



1 Ogos 2021

Rafiuddin Bin Yeob Ramli &
Aishah Binti Abdul Ghapar



10 Disember 2021

Nor Fatin Miza Binti Mad Suhaimi &
Muhammad Salman Bin Muhammad Saufi

